

Headline	Juara tak hirau digelar orang pelik	Language	MALAY
Date	27. Aug 2008	Page No	16
Media Title	Harian Metro	Article Size	277 cm2
Section	Setempat	Frequency	Daily
Circulation	336603	Color	Full Color
Readership	2192000	AdValue	



Juara tak hirau digelar orang pelik

SERDANG: Pemenang pertandingan akhir Pidato Kemerdekaan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2008, Mohd Shamsul Salleh, 22, pernah digelar orang pelik kerana sering bercakap sendirian ketika di asrama, malah sewaktu berjalan menuju bilik kuliahnya.

Namun, juara kategori bahasa Melayu itu tidak menghiraukan segala kri-

tikan dan gelaran itu hanya untuk memastikan dia dapat melakukan persembahan terbaik dalam pertandingan akhir yang berlangsung di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Shamsul berkata dia optimis untuk mencapai kejuaraan lebih-lebih lagi dengan kehadiran ibu dan



KONGSI GEMBIRA...Shamsul menunjukkan piala yang dimenangi kepada ibu dan bapanya.

ayah yang sanggup datang dari Johor semata-mata memberikan sokongan.

"Sebelum pertandingan saya bercakap seorang diri,

kadang-kadang di depan cermin dan ada masanya ketika berjalan menuju bilik kuliah pun saya praktikkan cara sama," katanya.